

30/11/1998

Belia mampu bantu pulih ekonomi negara

JASIN, Ahad - Kejayaan Malaysia menjadi negara aman, stabil dan membangun bukan secara kebetulan kerana pelbagai rintangan termasuk ancaman komunis, rusuhan kaum dan konfrontasi dengan jiran terpaksa dihadapi.

Bagaimanapun, segala usaha membangun dan memajukan negara ini dilenyapkan oleh kegiatan spekulator mata wang sejak pertengahan tahun lalu sehingga nilai ringgit mengalami kejatuhan kira-kira 40 peratus.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kegawatan ekonomi yang dialami cuba dieksploitasikan pula oleh Barat iaitu dengan cara memberi pinjaman kewangan dan pada masa yang sama, mengenakan syarat memaksa negara tunduk kepada telunjuk mereka.

Sehubungan itu, beliau berharap golongan belia menyedari masalah itu sekali gus membantu usaha kerajaan memulihkan semula sektor ekonomi negara.

"Belia boleh menyalurkan semangat dan darah muda mereka kepada perkara yang lebih positif dan tidak terlibat dengan rusuhan atau demonstrasi yang menggugat keamanan negara," katanya merasmikan Program Bela Negara, di Institut Kemahiran Mara (IKM), di sini, hari ini.

Menurutnya, belia mesti selalu berwaspada supaya mereka tidak mudah digunakan oleh anasir luar yang iri hati terhadap pencapaian negara dan ingin melihat negara lemah dan gagal mencapai kemajuan.

Muhyiddin menegaskan, langkah Malaysia menolak tawaran pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan semula ekonomi, menyebabkan kuasa Barat bertambah iri hati terhadap kepemimpinan negara ini.

Beliau berkata, pihak Barat lebih cenderung meletakkan kesalahan ini di bahu pemimpin negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun pemimpin yang sama sudah meletakkan keteguhan ekonomi pada tahap memberangsangkan sebelum ini.

"Kegawatan ekonomi yang melanda di rantau ini juga dilihat oleh Barat sebagai kelemahan kepimpinan, kononnya disebabkan rasuah, nepotisme dan kronisme," katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin menggalakkan belia menyertai program bela negara melalui beberapa kegiatan yang diadakan.

Katanya, antara kegiatan yang dilakukan ialah kempen kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap negara; kempen berjimat cermat dan kempen belia barangan tempatan.

(END)